

BANTUAN PENGAJIAN SEKOLAH RENDAH/MENENGAH

OBJEKTIF

1. Membantu pelajar-pelajar Islam yang termasuk dalam Asnaf Fakir dan Miskin sahaja yang menuntut di Sekolah Rendah dan Menengah dalam Negara untuk meringankan beban kewangan bagi sesi pembukaan sekolah pada awal tahun atau yang ditetapkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).
2. Membantu meringankan beban kewangan para pelajar Islam yang mendapat tawaran pada peringkat Tingkatan 6 rendah dan atas masuk ke pusat pengajian yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.

KEKERAPAN

Bantuan diberikan sekali sahaja dalam setahun (secara *one-off*).

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN (TAHUN 1 HINGGA TINGKATAN 5 DAN KOLEJ VOKASIONAL TAHUN 1 HINGGA 4).

1. Pelajar Islam Sarawak atau Warganegara Malaysia yang bermastautin di Sarawak sahaja.
2. Pemohon menuntut di mana-mana sekolah Kerajaan di dalam negara.
3. Pendapatan bulanan keluarga (ibubapa/penjaga) mestilah pada paras Had Al-Kifayah Asnaf Fakir dan Miskin sahaja.
4. Pemohon hanya dibuka untuk pelajar Tahun 1 hingga Tingkatan 5 sahaja. Manakala bagi pelajar Kolej Vokasional dibuka untuk peringkat Sijil dan Diploma Vokasional Malaysia (KPM).
5. Pemohon tidak mendapat bantuan daripada mana-mana agensi lain.
6. Permohonan dan dokumen hendaklah dihantar dalam tempoh 180 hari (6 bulan) (Termasuk hari Sabtu, Ahad & Cuti Umum) dari tarikh pendaftaran persekolahan.

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN (TINGKATAN 6 RENDAH DAN ATAS).

1. Pelajar Islam Sarawak atau Warganegara Malaysia yang bermastautin di Sarawak sahaja.
2. Pemohon menuntut di mana-mana sekolah Kerajaan di dalam negara.
3. Permohonan dan dokumen hendaklah dihantar dalam tempoh 180 hari (6 bulan) (Termasuk hari Sabtu, Ahad & Cuti Umum) dari tarikh pendaftaran persekolahan.
4. Mengikuti pengajian secara sepenuh masa.

DOKUMEN YANG DIPERLUKAN (JIKA BERKAITAN)

1. Dokumen asas.
2. Surat pengesahan daripada Pengetua/Guru Besar Sekolah.
3. Bagi pembayaran melalui akaun pihak ketiga, hendaklah menggunakan Borang Kebenaran Akaun Pihak Ketiga.